

Markah penuh Kertas 2 ialah 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 markah diahagikan kepada

- (a) Isi - 20 markah
(b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi (20 markah)

Nota :

- (i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
- nama khas
 - perkataan berulang
 - penggunaan kata depan *di* dan *ke*
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

- (v) Jawapan dalam bentuk poin, berikan markah isi. Tolak 50% markah bahasa daripada markah sepatutnya.
- (vi) Markah bahasa – Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi iaitu $\frac{1}{2}$ daripada markah isi.

Soalan 2

Markah penuh 35 dibahagikan kepada :

Soalan 2(a) : 9 markah

Soalan 2(b) : 9 markah

Soalan 2(c) : 8 markah

Soalan 2(d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sepurna**.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

2.

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

3. Soalan 3 markah:

4.

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

5. Soalan 4 markah:

6.

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat Gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum**Markah**

- (i) Maksud
- menjadikan visi / impian /cita-cita satu kenyataan / hakikat
[Maksimum : 2 markah]
- (ii) Peranan ibu bapa
- mengadakan hubungan rapat dengan sekolah 1
- mengawal pelajar-pelajar di rumah 1
- memastikan pembelajaran anak-anak dipantau 1
- memberi fokus untuk membantu merealisasikan wawasan pendidikan 1
[Maksimum : 3 markah]
- (iii) Halangan-halangan
- Sikap malas 1
- Tidak ada kesedaran tentang kepentingan pendidikan 1
- Kemiskinan 1
- Tiada matlamat hidup 1
- Tidak mendapat sokongan daripada keluarga 1

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 2(b) : Petikan Drama**Markah**

- (i) Keadaan Umar
- berkaki ayam ke sekolah 1
- berjalan di atas batas-batas sawah 1
- ke sekolah dengan perut lapar 1
- tidak membawa wang saku ke sekolah 1
[Maksimum : 2 markah]
- (ii) Tindakan
- memberi bantuan kewangan / biasiswa 1
- memberi bantuan kelengkapan sekolah 1
- mengambil Umar sebagai anak angkat 1
- meminta Umar tinggal di asrama sekolah 1
(terima mana-mana jawapan yang sesuai)
[Maksimum : 3 markah]

(iii) Latar masyarakat

Satu latar masyarakat daripada petikan

- Latar masyarakat luar bandar yang hidup susah
Contohnya, Umar terpaksa ke sekolah tanpa berkasut dan dalam keadaan yang lapar

1 + 1

- Latar masyarakat pelajar universiti :
Contohnya, Umar belajar di universiti sehingga mendapat segulung ijazah

1 + 1

Satu latar masyarakat daripada keseluruhan drama

- Latar masyarakat yang sedang memasuki era moden :
Contohnya, Safiah memakai seluar ketat kerana suka akan pakaian yang ringkas.

1 + 1

- Latar masyarakat yang menghormati tetamu :
Contohnya, ibu Safiah menyambut kedatangan Pak Majid dengan ramah dan wajah yang ceria

1 + 1

- Latar masyarakat yang mementingkan ajaran agama
Contohnya, Pak Majid taat dengan suruhan agama.

1 + 1

[Maksimum : 4 markah]

Jawapan 2(c) : Petikan Prosa Klasik

Markah

(i) Sebab

Usaha

- Cerpelai seekor binatang yang tidak setia 1
- melarang anaknya berkawan dengan anak cerpelai 1
- menegur / menasihati beberapa kali 1
- bercerita / menceritakan kisah seekor kera dengan Anak saudagar 1

[Maksimum: 4 markah]

- (ii) Empat cara
- menunjukkan teladan kepada anak-anak 1
 - meminta anak-anak membaca buku yang terdapat pengajaran dalam hidup. 1
 - memerhatikan kehidupan masyarakat sekarang 1
 - mengambil iktibar dari peristiwa yang berlaku dalam masyarakat 1
 - membaca peristiwa yang terdapat dalam akhbar sebagai pengajaran kehidupan 1

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 2(d) : Petikan Puisi

Markah

- (i) Keistimewaan orang yang berilmu

- Berwibawa 1
- Bersifat yakin 1
- Tabah / dapat menghadapi cabaran 1
- Sukar ditipu / diperdaya 1

[Maksimum: 3 markah]

- (ii) Wajar dilakukan

- Banyak membaca 1
- Banyak membuat kajian 1
- Menghadiri seminar 1
- Melayari internet 1
- Melanjutkan pelajaran 1

Terima mana-mana isi yang sesuai

[Maksimum: 3 markah]

- (iii) Tiga perkara yang boleh dijadikan panduan

- Mencari / menuntut ilmu 1
- Mengkaji ilmu 1
- Membaca buku yang dikarang oleh tokoh-tokoh terkenal 1
- Sentiasa berfikir 1
- Hendaklah sabar dalam menuntut ilmu 1

[Maksimum: 3 markah]

Soalan 3**Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:****Soalan 3(a): 6 markah****Soalan 3(b): 6 markah****Soalan 3(c): 6 markah****Soalan 3(d): 6 markah****Soalan 3(e): 6 markah****Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), beri 0 markah.

3 (a)

- (i) *dawai* - tali daripada logam (digunakan untuk mengikat sesuatu atau membuat pagar, bakul dll), kawat
pendawaian - proses memasang dawai, system pemasangan dawai.
- (ii) *periksa* - selidik, penyelidikan, siasat.
penyiksaan - perbuatan memeriksa, penyelidikan, penelitian, pengusutan/ hasil atau pendapat daripada memeriksa.
- (iii) *muafakat* - setuju, seia-sekata/ sesuatu yang dipersetujui, pernyataan setuju, persetujuan/perundingan, pembicaraan, permesyuaratan/ berunding dengan/ seia, sepakat.
permuafakatan - perihal bermuafakat, perundingan/ persetujuan, kata setuju/ mesyuarat.

[Maksimum: 6 markah]

3 (b)

- i. Azmi menelefon Nazri, "Hello, Nazri datanglah ke sekolah pada petang ini untuk menyiapkan kerja kursus".
- ii. "Saya tidak boleh datang kerana ibu dan ayah saya pergi ke hospital untuk menziarahi jiran kami yang sakit," Nazri memberitahu Azmi,
- iii. "Baiklah, kalau begitu biar saya pergi ke rumah awak," jawab Azmi
- iv. "Saya akan ke sana bersama Zaki dan Munir," tambah Azmi lagi.
- v. Tunggu saya telefon ayah saya dahulu untuk meminta kebenaran, kemudian saya akan menelefon awak untuk memberikan keputusannya," jawab Nazri.
- vi. "Baiklah, saya berharap agar awak dapat memberikan keputusan tersebut dengan segera," jawab Azmi.

[Maksimum 6 markah]

*Nota : Jawapan dalam bentuk dialog/ kata bual diterima.**Baik - 5 - 6 markah**Sederhana - 3 - 4 markah**Lemah - 1- 2 markah***3 (c)**

- (i) jalanraya - jalan raya
raya - perayaan
- (ii) insuran - insurans
memperkembangkan - memperkembang
- (iii) perniaga - peniaga
kenaikkan - kenaikan

[Maksimum: 6 markah]

3 (d)

- (i) menyampaikan - mengucapkan
di atas - atas
- (ii) merasa - berasa
perjalanan - penerbangan
- (iii) di mana - tempat
mengemaskan - menyusun/ mengarang/ menggubah

[Maksimum: 6 markah]

3(e)

- (i) sudah terhantuk baru terngadah / nasi sudah menjadi bubur
- (ii) masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak
- (iii) yang bulat tidak datang menggolek, dan yang pipih tidak datang melayang

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 4**Markah penuh 15 markah****Perhatian bagi soalan 4**

- 1. Jawapan berdasarkan novel yang dipelajari.
- 2. Jawapan dalam ayat yang sempurna dan lengkap.
- 3. Pemberian markah bahasa berdasarkan *impression*.

Perhatian bagi (a)

- (i) *Penyataan mestilah benar dan disokong dengan huraian yang tepat.*
- (ii) *Berikan 1markah bagi isi (masalah) yang betul.*
- (iii) *Berikan 1markah bagi huraian (penyelesaian) yang betul.*
- (iv) *Markah maksimum isi 4 markah dan markah maksimum untuk bahasa 3 markah.*

Perhatian bagi (b)

- (i) *Penyataan mestilah benar dan disokong dengan huraian yang tepat.*
- (ii) *Berikan 1markah bagi isi (latar masyarakat) yang betul.*
- (iii) *Berikan 1markah bagi huraian / contoh yang betul.*
- (iv) *Markah maksimum isi 6 markah dan markah maksimum untuk bahasa 2 markah.*

TERMINAL TIGA**4(a) Masalah yang dihadapi oleh watak utama:**

- (i) Rimpa menghadapi masalah kewangan untuk meneruskan pengajiannya di Akademi seni Kebangsaan, Kuala Lumpur. Rimpa berusaha mendapatkan bantuan kewangan daripada Kementerian Kebudayaan negeri Sabah dengan bantuan daripada Bang Maily. Akhirnya Rimpa berjaya mendapat biasiswa tersebut dengan bayaran RM3000.00 setahun.
- (ii) Ibu Rimpa menghalang hasrat Rimpa untuk meneruskan pelajarannya di Kuala Lumpur. Rimpa tetap tegas dengan pendiriannya untuk meneruskan pengajiannya di Kuala Lumpur demi masa depannya walaupun keputusannya itu melukakan perasaan ibunya. Rimpa juga meminta rakannya Ruzaini untuk menjaga ibu dan adiknya di kampung.
- (iii) Ayah Rimpa menghilangkan diri selama lebih 10 tahun tanpa sebarang berita. Rimpa berusaha mencari ayahnya walaupun terpaksa mengorbankan cutinya untuk mencari ayahnya yang dikatakan berada di Nabawan. Akhirnya Rimpa mendapat sepucuk surat daripada Ruzaini yang memberitahu ayahnya telah pulang.

4(b) Gambaran Latar Masyarakat.

- (i) Masyarakat di kawasan pedalaman yang mengamalkan kegiatan pertanian untuk menyara kehidupan seharian. Golongan ini terdiri daripada ibi Rimpa dan Ruzaini yang menanam sayur-sayuran seperti kubis, tomato, asparagus dan sebagainya.
- (ii) Masyarakat remaja yang sedang menuntut ilmu. Golongan ini terdiri daripada pelajara-pelajar di Akademi seni Kebangsaan yang terdiri daripada Rimpa, Azlina, jasmín dan Sabri.
- (iii) Masyarakat yang mengamalkan sikap bantu membantu. Bang Maily banyak membantu Rimpa dalam soal pengajiannya di ASK. Bang Maily membantu mendapatkan biasiswa untuk Rimpa meneruskan pengajiannya. Ruzaini membantu menjaga ibu dan adik Rimpa sepanjang ketiadaannya.
- (iv) Golongan pendakwah yang berusaha untuk menyebarkan agama di kawasan pedalaman. Golongan pendakwah berjubah ini berusaha untuk menyebarkan ajaran agama di kampung dan di kawasan pedalaman. Kumpulan pendakwah ini berjaya mempengaruhi Ruzaini untuk mengikut kumpulan tersebut.